



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 16 TAHUN 1982

UJIAN KEDERASAN BAGI PEPERIKSAAN JURUTAIP TINGKATAN BIASA

1. Tujuan

1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk memberitahu kepada semua Ketua-ketua Jabatan dan kakitangan yang terlibat iaitu para jurutaip mengenai peraturan baru di dalam ujian menaip. Surat Pekeliling ini juga adalah merupakan susulan kepada Skim Perkhidmatan Jurutaip bil. JPA. SULIT 313/93/Jld. II (123) bertarikh 1hb April 1982. Perhatian tuan khususnya adalah ditarik kepada peruntukan di para 8 (c) Skim tersebut yang menyatakan perkara mengenai Peraturan-peraturan dan Cara-cara Pemarkahan Ujian Kederasan Menaip.

2. Skrip Rencana Menaip

2.1 Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa Urusetia Peperiksaan Jabatan Perkhidmatan Awam akan menyediakan skrip rencana bagi ujian kederasan menaip. Ini bererti dengan berkuatkuasanya Skim Perkhidmatan Jurutaip yang baru mulai dari 1hb Julai 1982 ini maka ujian kederasan yang kedua bagi para Jurutaip untuk tahun ini dan ujian-ujian kederasan seterusnya di masa-masa hadapan akan menggunakan skrip rencana yang serupa. Rencana ini akan dikeluarkan oleh Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam dari masa ke semasa sebagaimana yang ditetapkan bagi ujian yang berkenaan.

3. Tarikh Peperiksaan

3.1 Oleh kerana Skrip Rencana Ujian yang akan digunakan adalah serupa/sama maka tarikh bagi ujian kederasan juga adalah sama. Ringkasnya, Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam akan menetapkan tarikh bagi Ujian Kederasan bagi Peperiksaan Jurutaip.

4. Penyertaan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan

4.1 Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan boleh untuk turut serta dalam setiap Ujian Kederasan yang diadakan kelak tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan adalah diminta supaya menguruskan perkara-perkara berikut:

- (a) Menyediakan Dewan/Tempat Peperiksaan serta kemudahan-kemudahan menaip bagi pegawai-pegawai;
- (b) Mengadakan seorang Ketua Pengawas dan sekurang-kurangnya seorang Pengawas bagi mengawasi perjalanan peperiksaan;
- (c) Panel Peperiksaan Jabatan hendaklah melantik sekurang-kurangnya seorang Perneriksa bagi memeriksa skrip taipan calon. Cara-cara memeriksa skrip taipan hendaklah berpandukan kepada "Panduan Bagi Memeriksa Peperiksaan Ujian Kederasan dan Ujian Kecekapan Bagi Jurutaip" yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan

Awam;

- (d) Semua keputusan yang ditetapkan oleh Panel Peperiksaan Ujian Menaip hendaklah dikemukakan kepada Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam bersama-sama dengan skrip taipan calon yang telah diperiksa. Pengeluaran keputusan akan dibuat oleh Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam secara keseluruhan bagi semua calon yang terlibat.

4.2 Sayugia juga diingatkan bahawa dalam perkara ini pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan boleh mengendalikan ujian kederasan bagi para Jurutaip sepertimana yang telah dijalankan di masa yang lalu sekiranya berhasrat untuk berbuat demikian. Dengan lain perkataan, tarikh bagi ujian kederasan serta skrip rencana ujian yang dikeluarkan oleh Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam boleh untuk tidak disertai sama. Andainya keputusan ini diambil maka Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam hendaklah dimaklumkan secara bertulis.

5. Tarikh Kuatkuasa

5.1 Kuatkuasa Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(MOHD NOORANI BIN KAMARUN)
*Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.*

1hb Jun, 1982.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.
Semua Pihak Pengurusan Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan.